

26 MAY 2001

SKIM ANUITI: 20,000 LAGI TANDATANGANI SOKONGAN

JOHOR BAHRU, 26 Mei (Bernama) -- Sebanyak 20,000 lagi tandatangan diperolehi hari ini, menjadikan 90,000 orang yang setakat ini menyokong satu memorandum agar Skim Anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diteruskan.

Pasukan Bertindak Menyelamat Skim Anuiti yang mensasarkan 100,000 tandatangan dalam memorandum itu yang akan dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan ke Alor Setar pada Isnin ini untuk mendapatkan lagi sokongan.

"Perkara pokok di sini bukan untuk mencapai sasaran 100,000 penyokong itu, tetapi mesejnya ialah membenarkan rakyat membuat pilihan sendiri kerana skim ini melibatkan wang seseorang individu dan masa depannya," kata pengerusi pasukan itu George Gunaraj kepada pemberita pada satu perhimpunan untuk mendapatkan tandatangan bagi memorandum bagi menyokong skim anuiti peringkat Johor di sini, hari ini.

Kerajaan menanggungkan skim anuiti yang telah diperkenalkan oleh KWSP sejak pertengahan tahun lepas setelah mendapat bantahan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia.

Penolong pengerusi pasukan itu, Mat Yusof Mat Chik pula berkata MTUC tidak berhak untuk campur tangan dalam urusan skim anuiti itu kerana kongres itu tidak mewakili semua pencaerum KSWP.

"MTUC boleh mempengaruhi semua ahlinya tetapi jangan libatkan orang lain yang amat memerlukan perlindungan di bawah skim ini," katanya.

-- BERNAMA

RAM MAI